

## CUEPACS minta kerajaan pertimbangkan 10 usul

➔ NUTP turut kemuka cadangan naik taraf kebajikan 500,000 guru

Oleh **Fahmy Azril Rosli**  
fahmy.azril@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**K**ongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) meminta kerajaan mempertimbangkan 10 usul yang dikemukakannya menerusi memorandum untuk Bajet 2018.

Presidennya, Datuk Azih Muda, berkata memorandum yang sudah diserahkan kepada kerajaan itu, lebih terarah kepada kebajikan dalam usaha mengurangkan kos sara hidup penjawat awam, khususnya di kawasan bandar.

Beliau berkata, antara usul yang dituntut badan itu adalah kenaikan gaji asas perjawatan awam sebanyak tiga peratus, insentif dua kenaikan gaji tanpa mengira kumpulan pekerjaan dan pangkat.

“CUEPACS juga meminta kerajaan mengkaji semula kadar elaun khidmat awam (bagi kumpulan paling rendah) yang kini sebanyak

RM95 kepada minimum RM180. Semakan itu kali terakhir dibuat 15 tahun lalu,” katanya kepada BH.

### Semak harga rumah mampu milik

Azih berkata, turut diberi tumpuan oleh CUEPACS adalah meminta kerajaan membuat semakan semula istilah harga dan lokasi rumah mampu milik bagi golongan sederhana yang bekerja atau tinggal di bandar.

Selain itu, katanya, CUEPACS mahu kerajaan mempertimbangkan cadangan untuk memberi rebat pengangkutan awam kepada penjawat awam, pelajar dan orang awam.

Katanya, langkah itu bukan sahaja membantu mengurangkan kos seharian, malah dapat menggalakkan penjawat awam menaiki pengangkutan awam sebagai alternatif utama ke tempat kerja.

Sementara itu, Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) dalam kenyataannya, mengusulkan beberapa perkara untuk Bajet 2018 demi kebajikan

500,000 guru seluruh negara, antaranya pengenalan bajet khas untuk elaun latihan dalam perkhidmatan guru, perumahan, penyelenggaraan sekolah dan perluasan capaian internet.

“Ekoran bebanan yang dihadapi guru pada tempoh dua tiga tahun kebelakangan ini, mereka juga terpaksa menggunakan wang sendiri untuk menghadiri kursus latihan. Menerusi bajet khas, diharapkan dapat mengurangkan kos perjalanan, makan dan sebagainya.

### Isu kuarters guru

“Aspek perumahan juga antara isu paling kritikal. Bukan hanya pemilikan rumah sendiri, malah memabitkan penempatan seperti kuarters guru di pedalaman dan pulau.

“Misalnya, ada guru di Pulau Tioman terpaksa tinggal di hotel dan perlu membayar mahal kerana ketiadaan kemudahan seperti kuarters atau rumah guru di situ. Kita harap, perkara ini mendapat perhatian Perdana Menteri,” katanya.

### Info

#### Usul CUEPACS

- ➔ **Kenaikan** gaji asas perjawatan awam sebanyak tiga peratus
- ➔ **Insentif** dua kenaikan gaji tanpa mengira kumpulan pekerjaan dan pangkat.
- ➔ **Kaji** semula kadar elaun khidmat awam dari RM95 kepada RM180
- ➔ **Kaji** semula harga, lokasi dan istilah rumah mampu milik untuk golongan sederhana di kawasan bandar
- ➔ **Rebat** pengangkutan awam
- ➔ **Pelepasan** cukai

#### Usul NUTP

- ➔ **Menaiktaraf** skim perkhidmatan guru
- ➔ **Bajet khas** untuk elaun latihan dalam perkhidmatan guru
- ➔ **Perumahan/kuarters** guru
- ➔ **Penyelenggaraan** sekolah
- ➔ **Perluasan** capaian internet di sekolah

